

Tiada perlombongan pasir, hanya projek tingkatkan bekalan air P.Pinang

Tarikh kemaskini: 01/04/2019



Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Datuk Ir. Jaseni Maidinsa (Gambar fail)

GEORGE TOWN, 1 April (Bernama) -- Laporan berita yang mendakwa terdapat projek perlombongan pasir ketika ini dijalankan di kawasan pinggir laut Macallum adalah tidak berasas kerana kerja-kerja penggalian dan tebus guna tanah itu sebenarnya bagi projek pengurusan bekalan air, kata Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata projek bernilai RM125 juta itu, yang diluluskan kerajaan negeri, membabitkan pemasangan ketiga 1,200mm saluran paip berkembar dasar laut merentasi selat sepanjang 3.2km antara Butterworth dan Pulau Pinang untuk menyalurkan tambahan 315 juta liter air sehari.

"Dua lagi saluran paip dasar laut (yang sedang beroperasi) berjaya dipasang merentasi selat yang sama, menggunakan kaedah sama, tanpa mengakibatkan kerosakan alam sekitar yang meluas," katanya pada sidang akhbar di sini.

Jaseni berkata sebahagian daripada bahan yang digali akan digunakan untuk menebus guna tanah di pinggir laut Mccallum, yang akan menempatkan titik pendaratan saluran paip ke pulau ini, selain daripada menjadi pangkalan operasi bagi projek itu sebaik sahaja ditauliahkan.

"Apabila siap kerja pemasangan paip, tanah yang ditebus guna itu akan diserahkan kepada kerajaan negeri Pulau Pinang. Ini bermakna, semua tanah yang ditebus guna bagi projek ini akhirnya akan menjadi tanah milik negeri," katanya.

Jaseni turut menafikan laporan berita bahawa Polis Marin telah menghentikan apa yang dipanggil 'projek perlombongan pasir' itu serta-merta, dan menjelaskan kontraktor projek, Wira Syukur (M) Sdn Bhd (WSSB), menghentikan kerja berikutan surat daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri pada 29 Mac yang meminta syarikat itu supaya memohon permit khusus.

"Dalam surat itu, PTG memaklumkan WSSB supaya memohon 'Permit 4B bagi Pengeluaran Pasir Laut dari Pulau Pinang'. WSSB telah memohon 'Permit 4B' menerusi Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut tetapi masih belum menerima sebarang jawapan (daripada PTG)," katanya, dan menambah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengeluarkan kelulusan bersyarat bagi projek itu pada 18 Dis 2012.

Sementara itu, Jaseni turut menolak dakwaan Aliran, sebuah badan bukan kerajaan, bahawa Pulau Pinang tidak mempunyai pelan induk air, dan menjelaskan, sebaliknya negeri ini telahpun mempunyai satu pelan induk berasaskan kepada Kajian Pelan Induk bagi Bekalan Air Boleh Diminum di Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Beliau berkata dapatan, data dan syor daripada kajian pelan induk itu dipetik secara terbuka oleh kerajaan negeri dan PBAPP sejak 2009.

"Tidak benar bahawa jaminan air tidak diberi keutamaan di Pulau Pinang. Sebaliknya, ia menjadi keutamaan sebagai keperluan kritikal bagi Wawasan Pulau Pinang 2030 untuk menjadi sebuah negeri pintar dan mesra alam, dengan tumpuan kepada keluarga, yang memberi inspirasi kepada negara," katanya.

-- BERNAMA